

# ASEPTONE SYRUP

Methadone hydrochloride (5mg/ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ASEPTONE SYRUP
2. Bagaimana ASEPTONE SYRUP berfungsi
3. Sebelum menggunakan ASEPTONE SYRUP
4. Cara menggunakan ASEPTONE SYRUP
5. Semasa menggunakan ASEPTONE SYRUP
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ASEPTONE SYRUP
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan ASEPTONE

Ubat ini digunakan untuk merawat ketagihan opioid.

ASEPTONE SYRUP hanya boleh diperolehi melalui preskripsi doktor.

## Bagaimana ASEPTONE SYRUP berfungsi

ASEPTONE SYRUP mengandungi methadone hydrochloride sebagai bahan aktif. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dinamakan opioid.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan ASEPTONE SYRUP dibekalkan kepada anda. Doktor anda mungkin membekalkan ASEPTONE SYRUP untuk tujuan lain.

## Sebelum menggunakan ASEPTONE SYRUP

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- Methadone
- sebarang opioid yang lain
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini

Simptom-simptom reaksi alahan termasuklah:

- sesak nafas
- berdehit
- sukar bernafas
- Bengkak pada muka, bibir, lidah atau mana-mana bahagian badan yang lain
- ruam kulit, gatal-gatal atau bintik-bintik merah pada kulit

Jangan mengambil ASEPTONE SYRUP jika anda:

- menghidapi penyakit paru-paru seperti asma atau sebarang penyakit yang menyebabkan kesukaran pernafasan
- baru-baru ini mengalami kecederaan kepala atau tekanan dalam kepala meningkat
- mempunyai masalah usus yang dikenali sebagai kolitis ulseratif
- mempunyai masalah hati yang serius
- ketagihan alkohol
- sedang mengambil atau telah mengambil ubat untuk kemurungan, iaitu perencat monoamine oxidase (MAOIs).
- ileus kelumpuhan (kelumpuhan otot usus)

Jika anda mengalami mana-mana keadaan seperti di atas,

dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.

Jangan mengambil ASEPTONE SYRUP selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

### - Sebelum menggunakan ASEPTONE SYRUP

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan seperti yang berikut:

- kelenjar tiroid kurang aktif
- masalah prostat
- kegelisahan
- pergantungan dadah
- kesan hipotensi (tekanan darah rendah)
- tua atau lemah
- masalah hormon
- penyempitan uretra (penyempitan saluran kencing)
- masalah buah pinggang

Sila berjumpa dengan doktor sebelum menggunakan ASEPTONE SYRUP jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau berniat untuk menyusukan. Doktor anda akan telah menimbang risiko anda mengambil ASEPTONE SYRUP terhadap manfaatnya untuk anda.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil ASEPTONE.

ASEPTONE SYRUP mengandungi sodium saccharin sebagai pemanis. Amaran kepada pesakit *phenylketonuria* (gangguan yang menyebabkan asid amino terkumpul di dalam badan anda) bahan produk ini, dalam sesetengah bentuk, mengandungi phenylalanine.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan ASEPTONE SYRUP boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ini termasuk:

- Central Nervous System Depressants lain seperti analgesik narkotik lain, phenothiazines, other tranquilizers, sedative-hypnotics, tricyclic antidepressants dan alkohol.
- Pentazocine, pelega kesakitan narkotik
- Rifampin, ubat-ubatan untuk jangkitan
- Monoamine Oxidase (MAO) Inhibitors, ubat-ubatan untuk kemurungan
- Meperidine, pelega kesakitan narkotik
- Naloxone, perubatan untuk berlebihan narkotik
- Naltrexone, perubatan untuk ketagihan opioid
- antiviral, ubat-ubatan yang digunakan untuk HIV
- Narcotic antagonist, ubat-ubatan untuk menghalang kesan narkotik

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh ASEPTONE SYRUP atau mungkin menjaskannya fungsinya.

Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian semasa mengambil ASEPTONE SYRUP atau yang perlu dielakkan.

**Cara menggunakan ASEPTONE SYRUP**

Patuhilah semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Untuk rawatan detoksifikasi:  
Dos permulaan ialah 15 hingga 20mg setiap hari.

Dos ini mungkin perlu diselaraskan oleh doktor anda bergantung kepada keadaan anda.

Jangan mengambil ubat ini lebih daripada dos yang disarankan.

ASEPTONE syrup tidak disyorkan untuk penggunaan di kalangan kanak-kanak.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti dos yang betul untuk anda. Mereka akan memberitahu anda kuantiti yang perlu diambil.

- *Bila perlu digunakan*

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor.

Ia sepatutnya diambil setiap hari di bawah pengawasan rapi.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau menukar dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

Doktor anda mungkin perlu mengurangkan kuantiti ubat yang diambil oleh anda secara beransur-ansur sebelum menghentikan pengambilan ubat ini untuk mengurangkan kebarangkalian mendapat kesan sampingan penarikan.

- *Jika terlupa menggunakan*

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gandakan dos untuk mengantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama.

Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petunjuk.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil ASEPTONE, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi

ke jabatan kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Antara gejala terlebih dos termasuk :

- kesukaran bernafas
- somnolen (mengantuk) mungkin menjadi koma
- anak mata menjadi kecil
- kelembikan pada rangka otot (kekurangan tonus otot)
- kulit sejuk dan lembap
- bradycardia (mengurangkan kadar jantung)
- hipotension (tekanan darah rendah)
- apnea (masalah pernafasan) kegagalan peredaran darah
- serangan jantung
- kematian

#### Semasa menggunakan ASEPTONE SYRUP

##### - Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Beritahu doktor anda jika, untuk sebarang sebab, anda tidak mengambil ubat ini seperti yang diarahkan.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil ASEPTONE SYRUP.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

##### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan mengambil ASEPTONE SYRUP untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

##### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana ASEPTONE SYRUP mempengaruhi anda.

Ubat ini boleh menyebabkan hipotension orthostatic (tekanan darah rendah disebabkan oleh perubahan postur).

Jika anda mengalami sebarang simptom-simptom ini, jangan memandu, mengendalikan mesin atau melakukan perkara lain yang boleh membahayakan

Berhati-hati semasa meminum alkohol semasa anda mengambil ubat ini,

Jika anda minum alkohol, rasa pening akan bertambah buruk.

Ambil perhatian semasa memulakan ubat ini atau meningkatkan dos. Methadone akan mengurangkan kadar denyutan jantung dan pernafasan, jika ia serius, mungkin akan membawa maut.

#### Kesan-sesan sampingan

Se semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini.

Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- depresi respiratori
- depresi peredaran darah
- henti nafas
- kejutan dan serangan jantung
- sistem saraf pusat: insomnia, agitasi, disorientasi, euforia (keadaan keghairahan), disforia (keadaan tidak memuaskan), lemah
- kardiovascular: merah muka, bradycardia (mengurangkan kadar jantung, palpitasi (perasaan berdebar-debar), kemalapan, syncope, hipotensi (tekanan darah rendah)
- alergi: pruritus, urticaria (ruam kulit)
- pening
- gayang
- rasa loya
- muntah-muntah
- berpeluh
- mulut kekeregan
- sembelit
- sakit kepala
- gangguan penglihatan
- tekanan darah rendah
- masalah pengaliran urin

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

#### Cara penyimpanan dan pelupusan ASEPTONE SYRUP

##### - Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam botolnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada botol, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat yang kering pada suhu bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan ASEPTONE SYRUP atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

##### - Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil ASEPTONE SYRUP atau ubat ini sudah melepassi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

#### Tarikh kemaskini RIMUP

27/08/2015

#### Nombor siri

BPFK(R4/1)270815/00284

#### Maklumat lanjut

##### - Rupa dan warna produk

Sirap berwarna merah.

##### - Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif  
Setiap 1ml sirap mengandungi 5mg methadone.

##### Bahan tidak aktif

- Methyl paraben
- Propyl paraben
- Rhodigel 23
- Sodium saccharin
- Propylene glycol
- Citric acid
- Ponceau 4R
- DI Water
- Liquid glucose
- Coarse sugar

##### - Nombor MAL

MAL05041880AZ

#### Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN.  
BHD. (42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

#### Pemegang Produk      Pendaftaran Produk

DUOPHARMA (M) SDN.  
BHD. (42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.